

PERBINCANGAN SEMAKAN DAN TINDAKAN SEMAKAN DATA PERINGKAT BAHAGIAN ILMU PENGETAHUAN INSTITUSI Bil.1/2024

TARIKH: 23 April 2024 | Selasa

MASA : 2.45 petang

LOKASI : Bilik Mesyuarat Eksekutif, Aras 1, Perpustakaan Raja Zarith Sofiah, UTM Johor Bahru, Johor

KEHADIRAN :
1. Cik Haslina Othman – TKP(IP) (Pengerusi)
2. Pn. Haslina Hussin – P(RD) (Pencatat)

TIDAK HADIR DENGAN MAAF :

1. En. Mohd. Fuad Mohamed Yusof – TKP Seksyen Penyelidikan merangkap Ketua Projek

AGENDA :
1. Maklumbalas dan perincian dari semua penyelaras modul
2. Kertas kerja Spesifikasi Teknikal oleh SAT
3. Penyelarasan semakan data dari mesyusrat bil.1 & 2
4. Draf spesifikasi teknikal dari Jawatankuasa Semakan Data
5. Hal-hal lain

AGENDA	BUTIRAN	TINDAKAN
1	Maklumbalas dan perincian dari semua penyelaras modul	
1.1	P(RD) memaklumkan maklumbalas dari Penyelaras Modul berhubung tindakan yang telah dimaklumkan pada Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Taskforce Penyelaras Modul & Semakan Data Bil.1/2024 dan Bil.2/2024 masih ada sebahagian besar masih belum melaksanakan tindakan dan tiada pemakluman berkaitan status tindakan masing-masing.	Makluman

2	Kertas kerja Spesifikasi Teknikal oleh SAT	
2.1	Penyediaan draf kertas kerja Spesifikasi Teknikal yang telah dikongsikan oleh pihak SAT hanya mendapat sedikit input dari penyelaras modul URD dan multimedia, PRZS sahaja.	Makluman
2.2	Pihak SAT memaklumkan bahawa kertas kerja yang lengkap akan dihantar pada 5 Mei 2024.	Makluman
3	Penyelarasan semakan data dari mesyuarat bil.1 & 2	
3.1	Pengerusi memaklumkan bahawa semua Penyelaras Modul perlu melaporkan perkembangan tindakan masing-masing berhubung isu yang telah dimaklumkan pada mesyuarat Bil.1/2024 dan Bil.2/2024 pada mesyuarat Bil.3/2024 25 April 2024.	Semua Penyelaras Modul
4	Draf spesifikasi teknikal dari Jawatankuasa Semakan Data	
4.1	Tindakan daripada pihak Jawatankuasa Kecil Taskforce Penyelaras Modul & Semakan perlu disegerakan dan akan diserahkan kepada Ketua SAT pada 28 April 2024 oleh TKP(IP).	Semua Penyelaras Modul
5	Hal-hal lain	
5.1	Pengerusi memaklumkan perkembangan berkaitan pembangunan system UTM-IK hasil daripada Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Jabatan Perpustakaan UTM, Bil.2/2024 bertarikh 18 April 2024 seperti berikut : <i>Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Jabatan Perpustakaan UTM, Bil.2/2024 bertarikh 18 April 2024 seperti berikut :-</i> <i>a. 2 isu iaitu Penangguhan Proses Kerja Di Sistem UTM Document Management System (UTM-DMS) Modul Valet, Memadam Senarai Rekod Di Sistem UTM-IR Pada Status User Workarea, telah diluluskan. Kertas kerja secara edaran telah diminta untuk disediakan dalam masa terdekat dengan pengemaskinian judul bagi kertas kerja.</i> <i>b. Cadangan bagi judul adalah :</i> <i>i. Penyelenggaraan Document Management System (UTM-DMS) Modul Valet dan Sistem UTM-IR Pada Status User Workarea, Jabatan Perpustakaan UTM.</i>	

	c. 1 isu Penyeragaman Menginput Data Ke Sistem Repositori Baharu Perpustakaan UTM turut diluluskan dan diminta untuk menyediakan garis panduan Dublin Core yang lebih menyeluruh setelah sistem baharu berjaya dibangunkan. d. Sasaran bagi KHIR bagi sistem baharu dikekalkan kepada 85 % user satisfction dengan melihat aspek tempoh pembangunan sistem oleh pihak vendor. Rujukan lengkap adalah perkara 2.36 pada sheet DO di pautan ini.	TKP(IP) dan P(RD)
5.2	P(RD) memaklumkan bahawa pautan maklumat berkaitan Dublic Core telah dikongsikan di portal SKR melalui pautan seperti berikut : URL - https://library.utm.my/skr/key-high-impact-result-2024-utm-ik/ Maklumat ini boleh dijadikan rujukan kepada semua Penyelaras Modul dalam membangunkan matriks panduan pendepositan bahan mengikut kategori bahan di bawah seliaan masing-masing. Makluman ini akan dikongsikan pada Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Taskforce Penyelaras Modul & Semakan yang akan diadakan pada 25 April 2024.	Makluman
5.3	P(RD) memaklumkan, satu sesi perbincangan bersama Jawatankuasa Teknikal perlu diadakan bagi mendapatkan maklumat terperinci berkaitan keperluan penyediaan data oleh Jawatankuasa Kecil Taskforce Penyelaras Modul & Semakan selepas selesai proses penganugerahan tender projek kepada pihak pembekal.	P(RD)
5.4	Pengerusi memaklumkan bahawa pihak beliau akan mengadakan taklimat umum berkaitan pembangunan sistem UTM-IK kepada pihak Pengurusan Tertinggi PUTM dan semua Pustakawan sebagai pengenalan umum kepada latarbelakang system UTM-IK yang sedang dibangunkan.	TKP(IP) & Ketua Projek
5.5	Sesi perbincangan selesai pada jam 5.00 petang.	

Disediakan oleh :

Haslina Hussin | Pustakawan Kanan

Unit Repositori & Dokumen Digital, Seksyen Koleksi Khas & Repositori, Bahagian Ilmu Pengetahuan Institusi

Perpustakaan Raja Zarith Sofiah

24 April 2024